

22 MAY 2004

MAHATHIR: PEMERIKSAAN TETAP BOLEH CEGAH PENDERAAN PEMBANTU RUMAH

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Pemeriksaan tetap terhadap pembantu rumah warga asing di Malaysia boleh membantu melindungi mereka daripada didera, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Sepatutnya diperiksa apa yang terjadi kepada mereka ini setelah diambil bekerja," katanya mengulas kes penderaan ke atas pembantu rumah

Indonesia Nirmala Bonat, 19, seperti dilaporkan dua hari lepas.

"Mungkin laporan tetap akan dapat menghentikan perlakuan seperti ini,"

katanya kepada pemberita selepas melawat Planetarium Negara di sini.

Ketika ditanya mengenai cadangan cawangan dan bahagian Umno agar jawatan naib presiden diputuskan secara sepersetujuan, Dr Mahathir berkata,

"Terpulang kepada mereka.

"Jika mereka berpendapat tidak perlu diadakan pertandingan, itu adalah

keputusan mereka," katanya dan menegaskan beliau kini hanya anggota biasa.

"Saya tidak berhak untuk memutuskannya. Saya tidak lagi terlibat dalam

semua itu," katanya.

-- BERNAMA

SOM KHY RHM